

24 MAR 1997

Khatib-Jepun

HUBUNGAN MALAYSIA-JEPUN MASUKI ERA BARU

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 24 Mac (Bernama) -- Hubungan antara Malaysia dan Jepun bersedia untuk memasuki era baru dan mencapai tahap yang lebih tinggi berikutan lawatan rasmi empat hari Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bermula esok, kata Duta Besar Malaysia Tan Sri Muhammad Khatib Abdul Hamid hari ini.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadual tiba di sini petang esok bagi lawatan rasmi keduanya ke Jepun sejak 1983. Walaupun Dr Mahathir telah beberapa kali mengunjungi Jepun, yang terbaru Januari lepas untuk mempromosi Koridor raya Multimedia (MSC), ia merupakan lawatan tidak rasmi dan lawatan kerja.

Semasa memberi taklimat kepada para wartawan Malaysia, Khatib berkata Dr Mahathir ke Jepun kali ini sebagai pemimpin sebuah negara yang berjaya yang mahu memelopori bidang kerjasama baru atas dasar perkongsian.

"Keadaan hari ini adalah jauh berbeza daripada lawatan 1983 semasa kita meminta bantuan pembangunan, pelaburan dalam projek intensif buruh dan semasa baru melancarkan dasar Pandang Ke Timur," kata Khatib.

"Kini kita lebih memilih dalam mencari pelaburan asing, memberi keutamaan kepada intensif modal, teknologi tinggi dan industri berat. Sejak 1993, kita juga telah berhenti menerima bantuan pinjaman yen."

"Kita masih mempunyai Dasar Pandang Ke Timur tetapi kini lebih kepada meningkatkan kandungannya, sebagai contoh kita mahu menghantar lebih banyak pelajar untuk pengajian ijazah lanjutan."

Khatib berkata rakyat Jepun tidak lagi melihat Malaysia sebagai negara yang `menerima' tetapi sebuah negara maju yang harus dianggap sebagai rakan kongsi.

"Dalam erti kata lain, hubungan itu telah bertambah matang," katanya.

Kemasukan Malaysia dalam bidang teknologi maklumat dan penonjolannya dalam hal ehwal antarabangsa dikagumi pelbagai sektor di Jepun, kata Khatib yang telah menjadi Duta Malaysia ke Tokyo sejak lapan tahun lepas.

Dr Mahathir akan menghadapi Maharaja Akihito di Istana Akasaka pada Rabu diikuti perbincangan rasmi dengan rakan sejawatannya Ryutaro Hashimoto pada tengah harinya.

Perdana Menteri juga akan melawat Osaka untuk mengadakan perjumpaan dengan usahawan Jepun dan ke Fukuoka untuk berucap pada Dialog Kedua Fukuoka. Fokus ucapannya ialah mengenai multimedia.

Dr Mahathir akan berlepas pulang pada Sabtu dari Nagoya selepas menyaksikan penamaan sebuah kapal milik Konsortium Perkapalan oleh isterinya Dr Siti Hasmah.

-- BERNAMA

SJ RON